

HARI MINGGU BIASA KE-17 (C)

Kejadian 18:20-32; Mazmur 137 (138):1-3. 6-8. R/ v. 3; Kolose 2:12-14
Lukas 11:1-13

Tema: KITA BERDOA KEPADA ALLAH BAPA KITA YANG MANA ADALAH KASIH, BELAS KASIHAN, PENGAMPUNAN DAN PENYELAMATAN

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa ke-17, Tahun Liturgi C. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita supaya berdoa kepada Allah Bapa kita, kerana Dia adalah kasih, belas kasihan, pengampunan dan penyelamatan! Injil hari ini memberitahu kita mengenai Doa Tuhan! Ia diambil dari Injil Santo Lukas.

Doa Tuhan dalam Santo Lukas adalah berbeza daripada Santo Matius yang mana ia dipanggil “Bapa Kami” dan yang mana kita doanya dalam Misa Kudus! Doa Tuhan dalam Santo Lukas tidak mempunyai “Kami” selepas “Bapa”. Ianya adalah lebih asli dan lebih rapat dengan ajaran Yesus. Ia mempunyai 5 permohonan, sementara Santo Matius mempunyai 7 permohonan. Santo Matius lebih suka angka 7!

Untuk permulaan, Doa Tuhan atau Bapa Kami adalah doa seorang “anak” kepada Bapa! Seorang anak sangat bergantung kepada Bapa dan dia percaya sepenuh kepada Bapanya. Bapa, sebaliknya, melindungi dan menyara anaknya. Tanpa Bapa, anak itu sesungguhnya lemah dan tiada harapan! Itulah sebabnya mengapa para imam berdoa Bapa Kami dengan tangan terbuka semasa Misa, ke atas dan telapak tangan terbuka!

Justu itu dalam permohonan pertama Bapa Kami kita memohon kepada Allah Bapa kita untuk menjadikan nama-Nya kudus. Dalam permohonan kedua kita mohon kepada Allah Bapa kita untuk dijadikan kerajaan-Nya. Dan selepas berdoa dahulu bahawa kehendak Bapa dilakukan, barulah kita berdoa akan kehendak kita. Dengan itu di dalam permohonan ketiga Bapa Kami kita berdoa untuk makanan setiap hari, terutama roti Ekaristi! Dalam permohonan keempat, kita berdoa untuk pengampunan akan dosa-dosa kita seperti kita mengampuni mereka yang bersalah terhadap kita. Dan permohonan kelima kita berdoa bahawa kita tidak akan kehilangan iman kita (kemurtadan:NJBC), terutama pada masa-masa penganiayaan!

Bahagian kedua Injil memberitahu kita bahawa kita harus berdoa dengan tekun dan gigih. Kita harus berdoa Doa Bapa Kami dengan tekun dan gigih! Bapa Kami itu adalah modal segala doa-doa yang diajar sendiri oleh Yesus kepada kita! Ia adalah doa keimanan. Tanpa iman kita tidak dapat berdoa. Sekali lagi, ia adalah doa seorang “anak” yang bergantung sepenuhnya kepada Bapa dan dengan sepenuhnya berharap kepadanya. Semua doa-doa kita harus bermodal berdasarkan Bapa Kami dan kita harus berdoa semua doa-doa kita dengan tekun dan gigih!

Bahagian ketiga Injil memberitahu kita bahawa doa-doa kita itu akan berkesan, iaitu, Allah akan menjawab doa-doa kita! Bahkan Allah menjawab doa-doa kita dengan memberi kita Roh Kudus! Dan di dalam kuasa Roh Kuduslah nama Allah dikuduskan di dalam kita, bersama kita dan melalui kita! Dan di dalam kuasa Roh Kuduslah bahawa Kerajaan Allah akan datang di dalam kita, bersama kita dan melalui kita!

Dan melalui kuasa Roh Kudus Allah akan memberi kita makanan setiap hari dengan secukupnya, terutama roti Ekaristi! Dan hanya melalui kuasa Roh Kudus Allah akan mengampuni dosa kita supaya kita juga dapat mengampuni yang bersalah kepada kita. Dan melalui kuasa Roh Kuduslah kita tidak akan kehilangan iman kita dan murtad walaupun pada masa-masa penganiayaan yang teruk!

2. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Abraham berdoa dengan sesungguhnya dan tanpa henti kepada Allah yang mana adalah adil dan belas kasihan! (NJB; IBC) Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Allah mahu menghapuskan Sodom dan Gomora kerana dosa-dosa mereka, tetapi Abraham berdoa dan menawar dengan Allah supaya tidak memusnahkan orang-orang benar yang ada bersama-sama orang yang jahat, sebab adalah tidak adil untuk memusnahkan orang benar di antara orang jahat, kerana Allah adalah adil! Abraham berdoa dan menawar dengan Allah dengan tekun dan sesungguhnya

dari lima puluh, ke empat puluh lima, ke tiga puluh, ke dua puluh sehinggalah hanya sepuluh orang benar dan Allah setuju tidak memusnahkan sepuluh orang benar di antara orang-orang jahat! Dengan berlaku adil kepada orang-orang benar, Allah juga berbelas kasihan terhadap orang-orang yang jahat!

3. Mazmur antarbacaaan adalah kesyukuran kerana penyelamatan! Justru itu sahutannya:

“Di kala aku berseru, Engkau mendengarkan daku, ya Tuhan.” (Mzm 137:3; SM)

Iaitu, ‘Di kala aku berseru, Engkau menyelamatkan daku, ya Tuhan.’ Mazmur antarbacaaan mempunyai empat rangkap. Rangkap pertama dan kedua (ayat 1-3) memberitahu kita bahawa Allah menyelamatkan kita sebab Allah mengasihi kita. Allah adalah kasih yang setia! Rangkap ketiga dan keempat (ayat 6-8) memberitahu kita supaya berdoa kepada Allah sebab Dia mengasihi kita dan menyelamatkan kita!(CSB; NJBC)

4. Bacaan kedua memberitahu kita bahawa melalui kematian dan kebangkitan-Nya dan pencurahan Roh Kudus, Yesus telah mengampuni dosa-dosa kita. Dia telah memakutkan dosa-dosa kita disalib! Dan kita menerima pengampunan ini di dalam sakramen Pembaptisan! Justru itu kita baca dalam judul bacaan kedua:

“Sekarang Allah telah menghidupkan kamu bersama-sama Kristus. Allah telah mengampunkan semua dosa kita.” (Kol 2:13; SM)

5. Hari ini kita bersyukur kepada Allah atas karunia Roh Kudus yang mana telah membuat kita memanggil Allah, “Bapa Kami”, dan kita mohon kepada Allah supaya terus memberi kita Roh Kudus supaya kita dapat membuatkan nama-Nya kudus dan supaya kita dapat membuat kerajaan-Nya datang ke bumi! Tuhan memberkati kamu! Amen!

Cadangan soalan untuk renungan individu dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil dan komuniti-komuniti kecil:

1. Apakah perbezaannya antara Doa Tuhan dalam St Lukas dan Doa Tuhan dalam St Matius? Doa yang mana yang kita gunakan masa Misa Kudus?

2. Sikap apakah yang harus kita ada apabila menyatakan Doa Tuhan? Apakah kamu mempunyai sikap keanak-anakan yang mana adalah bergantung dan percaya sepenuhnya?

3. Adakah Allah kita itu Hakim atau Bapa? Adakah Allah kita itu Allah Hukum, keadilan, penghukuman dan kecelakaan atau adakah Allah kita itu Allah cinta kasih, belas kasihan, pengampunan dan penyelamatan?

4. Adakah kamu berdoa? Adakah kamu berdoa dengan tekun dan gigih? Adakah doa kamu berkesan? Adakah Allah menjawab doa kamu? Bagaimanakah Allah menjawab doa kamu? Adakah Allah menjawab doa kamu dengan memberi kamu Roh Kudus?

5. Adakah Allah itu adil? Adakah Allah itu belas kasihan? Adakah Allah itu kedua-duanya adil dan berbelas kasihan? Adakah Allah adil kepada yang benar dan belas kasihan kepada yang berdosa?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,

Rujukan: New Jerome Biblical Commentary (NJBC); New Jerusalem Bible (NJB): International Bible Commentary (IBC); Catholic Study Bible (CSB): Sunday Missal (SM).